

MESYUARAT PENYELARASAN PERTANDINGAN QE/5S

Mesyuarat Penyelarasan Pertandingan QE/5S telah diadakan pada 9 Julai 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Delima, Tingkat 13 Wisma JUPEM. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Sr Muhamad Shamsuri bin Aziz, Ketua Urus Setia Induk QE/5S Ibu Pejabat JUPEM.

Turut menghadiri mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Jawatankuasa Induk Promosi dan Audit serta semua Penyelaras Aset Bahagian di Ibu Pejabat JUPEM. Agenda mesyuarat adalah bertujuan membincang skop dan kriteria audit khas pertandingan QE/5S yang telah berlangsung pada 23 dan 24 Julai 2019.

